

Perlu bijak pilih wakil rakyat

BH 23-11-2012 4

Kota Kinabalu: Rakyat yang akan mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) perlu bijak memilih wakil rakyat berwibawa dan berhemah serta mampu membela nasib mereka dengan baik.

Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang, berkata rakyat juga perlu memastikan wakil rakyat yang dipilih memiliki disiplin tinggi dan mampu mengawal emosi terutama ketika proses perbahasan di dewan.

Katanya, calon wakil rakyat yang suka bertelagah dan menimbulkan kekacauan ketika persidangan dewan wajar ditolak serta diganti dengan calon berwibawa yang boleh memelihara imej Parlimen negara.

“Saya lihat sekarang persidangan dewan, terutama di Dewan Rakyat semakin sukar untuk dikawal kerana ramai wakil rakyat suka menimbulkan kekacauan ketika sesi perbahasan atau soal jawab.

Pilih calon berdisiplin

“Keadaan itu memperlihatkan sikap wakil rakyat yang tidak berhemah, menyebabkan persidangan kucar-kacir. Sebab itu pengundi perlu memilih calon yang berdisiplin,” katanya kepada pemberita pada Program Jejak 1Malaysia Ke Parlimen di Universiti Malaysia Sabah (UMS), semalam.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar



Abu Zahar (kanan) bersama pelajar UMS pada **Program Jejak 1Malaysia Ke Parlimen anjuran UMS**, di Kota Kinabalu, semalam.

FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ/BH]

dan Alumni UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur dan Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Kadzim M Yahya dan Senator Datuk Paul Kong Sing Chu.

Abu Zahar turut mengi-

ngatkan golongan pelajar supaya tidak terpengaruh dengan anasir jahat yang cuba menghasut dengan bermacam dakyah tidak berasas bertujuan memesongkan pemikiran mereka.